

Kerajaan tentukan rapat umum

UM 2 1 SEP 2003

Oleh HERMAN MD. NOOR

HULU LANGAT 20 Sept. — Setiausaha Agung UMNO, Tan Sri Khalil Yaakob berkata, keputusan untuk tidak membenarkan rapat umum semasa pilihan raya umum akan datang adalah keputusan kerajaan.

Katanya, apa yang dinyatakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam adalah atas kehendak kerajaan yang dibuat demi menjaga keselamatan orang ramai sewaktu pilihan raya.

“Dan UMNO sebagai sebuah parti kerajaan mematuhi keputusan tersebut kerana kita faham bahawa penganjuran sesuatu rapat umum memerlukan kajian secara mendalam dari segi keselamatan.

“Bagi kita, keselamatan para pengundi adalah menjadi faktor utama dan lagi pun kalau aktiviti berkempen tidak dapat dijalan-

kan di dalam suasana yang aman, maka jumlah pengundi tidak akan ramai.

“Sepatutnya penganjuran rapat umum tidak seharusnya dilihat dalam satu aspek sahaja tetapi perlu dinilai dari sudut keselamatan juga,” katanya di sini hari ini.

Beliau menyatakan demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Program Mesra Rakyat Sempena Hari Kumpulan Penonton, Pendengar dan Pembaca (K3P), Pekan Batu 14, Hulu Langat di Sekolah Kebangsaan Sungai Lui.

Semalam, Perdana Menteri menyatakan bahawa Majlis Tertinggi UMNO tidak bersetuju dengan cadangan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk membenarkan parti-parti politik mengadakan rapat umum pada pilihan raya umum akan datang.

Isu berkenaan rapat umum timbul apabila SPR mengumumkan cadangan mereka untuk

membenarkannya tetapi dengan syarat ia mendapat kebenaran dari pihak polis terlebih dahulu.

Sehubungan itu pelbagai pihak memberikan reaksi yang berbeza-beza termasuk mempertikaikan cadangan SPR kerana ia dianggap tidak sesuai atas sebab keselamatan.

Menurut Khalil, sejarah membuktikan bahawa penganjuran rapat umum sememangnya susah untuk dikawal hingga telah mencetuskan pelbagai huru-hara dan rusuhan.

“Masalah tersebut masih berterusan seperti yang berlaku di Lunas dahulu hingga campur tangan pihak polis diperlukan bagi mengamankan keadaan ketika itu.

“Sebab itu, UMNO serahkan kepada pihak polis untuk menasihati kerajaan serta pihak yang terbabit mengenai kebenaran mengadakan rapat umum,” ujarnya.